AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 4 | RABU 22 JANUARI, 1986. | رابو 11 جمادي الاول 1406 | PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Watikah Perlantikan Tuan Hakim Benjamin Liu Tsz-Ming sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar. — Gambar oleh Pengiran Abu Bakar PHO.

## *Istiadat mengurniakan watikah perlantikan Pesuruhjaya Mahkamah Besar*

**Oleh: Abd Karim Haji Abu Bakar**

BANDAR SERI BEGAWAN. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik Tuan Hakim Benjamin Liu Tsz-Ming, 54, sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar bagi tempoh tiga tahun.

Tuan Hakim Benjamin Liu Tsz-Ming telah mengangkat sumpah kehakiman di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada petang Isnin lepas di Istana Nurul Iman.

Watikah perlantikan Tuan Hakim Benjamin Liu Tsz-Ming telah dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Anak Safiuddin.

Berangkat ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Juga hadir di istadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan.

# JANGAN ANGGAP BIDANG TEKNIKAL SEBAGAI PILIHAN TERAKHIR

**Oleh: Abd. Karim HAB**

JALAN MUARA. – Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menegaskan pelajaran teknikal dan vokasional bukanlah suatu bidang yang patut dianggap sebagai pilihan terakhir.

Menurutnya, masanya telah tiba untuk menjadikan pelajaran teknikal dan vokasional sebagai bidang pelajaran yang seimbang bahkan patut mendapat keutamaan dan galakan dari kalangan ibu bapa dan guru-guru.

Para pelajar, katanya, hendaklah sedikit demi sedikit mengenal pasti bahawa negara bukan hanya memerlukan kelulusan akademik tetapi juga kelulusan di bidang teknikal dan vokasional.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz Menteri Pelajaran dan Kesihatan menekankan perkara itu ketika merasmikan Majlis Memulakan Kursus dan Orientasi Institut Teknologi Brunei di Dewan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal pada 16 Januari lepas.

Yang Dimuliakan Pehin yakin, penubuhan Institut Teknologi Brunei akan membolehkan negara ini mengeluarkan sendiri tenaga-tenaga terlatih di bidang-bidang yang diperlukan bagi mengendalikan pelbagai pembangunan negara.

"Rancangan Kemajuan Negara yang baru, memperlihatkan keperluan negara ini kepada tenaga-tenaga yang terlatih bukan sahaja di bidang akademik bahkan juga di bidang teknikal dan vokasional," tegasnya.

Sehubungan dengan itu, Menteri Pelajaran dan Kesihatan mengingatkan semua pihak di institut itu bahawa institut itu mempunyai peranan menyediakan tenaga yang akan turut mengungkayahkan pembangunan dan perkembangan negara ini.

"Penglibatan yang dinyatakan itu diharap mendapat perhatian semua pihak termasuk berbagai kementerian, sektor-sektor swasta dan badan-badan kewangan di negara ini dengan sama menjulungkan buah fikiran dan pendapat semata-mata pada membisaikan lagi jenis-jenis kursus yang perlu diadakan di institut ini dari semasa ke semasa dengan maksud kursus yang diadakan akan menepati keperluan sektor Kerajaan dan sektor yang terlibat dalam pembangunan dan perkembangan tanahair kita," jelasnya.

Lihat muka 16

## PETIKAN TITAH

**"Pada memelihara dan menjamin wujudnya suasana keamanan dan ketenteraman itu, maka adalah mustahak bagi penghulu dan ketua-ketua kampung mengeratkan lagi hubungan silaturahim mereka dengan anak buah kampung dan mukim supaya dengan itu penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung akan dapat mengetahui keadaan serta masalah-masalah anak-anak buah kampung dan mukim mereka."**

*DITITAHKAN semasa Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-38, yang diadakan oleh Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Brunei-Muara pada 9 Ogos 1984.*

## Taraf MSPSBS ditingkatkan

JALAN MUARA. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninggikan taraf Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara sehingga mengandungi kursus sains di peringkat Pra-Universiti atau Tingkatan Enam dalam beberapa bulan ke hadapan.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz mengumumkan perkara itu ketika merasmikan Majlis Memulakan Kursus dan Orientasi Institut Teknologi Brunei di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal pada 16 Januari lepas. –

"Di bidang pelajaran sains, insya-Allah, berkat adanya perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara dalam beberapa bulan ke hadapan akan ditinggikan tarafnya sehingga mengandungi kursus-kursus sains di peringkat Pra-Universiti atau Tingkatan Enam," katanya.

Menurut Menteri Pelajaran dan Kesihatan itu, semua langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dan Kesihatan melalui perkenan yang telah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah dengan sendirinya ke arah mempelbagaikan lagi bidang-bidang pengajian pada peringkat tinggi Negara Brunei Darussalam yang sedang dan akan terus berkembang dan membangun ini.

## Bangunan baru DBP cawangan Daerah Belait

KUALA BELAIT. – Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Kuala Belait kini mempunyai sebuah bangunan baru. Ianya terletak berdekatan dengan Bangunan Pejabat Daerah di Jalan Mc-Kerron.

Di antara kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuklah bilik serbaguna, bilik kegiatan, bilik perpustakaan kanak-kanak dan dewasa, dewan pameran bilik persidangan dan pejabat pentadbiran.

## MANISNYA IMAN

"MAKA sekiranya mereka beriman seperti apa yang kamu imankan, sesungguhnya mereka itu mendapat hidayah dan sekiranya mereka berpaling (tidak beriman seperti iman kamu) mereka adalah dalam perpecahan, maka engkau akan dipeliharakan Allah dari kejahatan mereka dan Allah itu mendengar lagi melihat." - Makna ayat 137 Surah Al-Baqarah.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...... Siri ke-312



# BERMUAMALAH DENGAN ORANG FASIK DAN MURTAD

**Fasik kerana tidak mengerjakan sembahyang:**

MENURUT dalam Kitab Bughyatul-Mustarshidin Fi Talkhisi Fatawa Ba'dhil Aemmati Minal-Ulamael Mutaahhirina Ma'a Dhammi Fawaeda Jammatin Nib Min Kutubin Shatta Lil'ulamael-Mujtahidin karangan Al-Alamah As-Syed Abd. Rahman Al-Mashhur Mufti Hadhra Maut, ada tersebut suatu fatwa daripada Al-Imam Al-Habib Abdullah bin Yahya yang terkenal dengan luas ilmunya iaitu menurut qaulul Asah (yang lebih sah) bahawa barangsiapa yang mesti di atasnya mengerjakan sembahyang Jumaat, maka dibunuh akan dia oleh raja, dengan sebab ia meninggalkan Jumaat itu (dengan tiada uzur pada Syarak) apabila telah sempit waktu Jumaat dari mengerjakan yang wajib pada dua khutbah dan sembahyang Jumaat, sekalipun orang yang meninggalkan Jumaat itu berkata saya akan sembahyang Zuhur.

Berkata pegarang Bughyatul-Mustarshidin yang tersebut di atas: Masalah: Orang yang meninggalkan semua sembahyang fardu yang lima dan orang yang meninggalkan setengah-tengah dari sembahyang fardu yang lima itu, adalah dia orang fasik (orang jahat yang keluar dari taat kepada Allah) dengan ijmak ulama Islam dan ia seperti orang yang lengah dari mengeluarkan zakat yang telah wajib dikeluarkan kapada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya dan wajib di atas raja membunuh akan dia dengan pedang, setelah diminta daripadanya supaya ia bertaubat, sekalipun dengan meninggalkan satu sembahyang dari sembahyang fardu yang lima itu kerana ditakuti ia akan mati dalam suul-khatimah (dalam kufur) Wal-'iadzu Billahi Taala. Dan tiadalah harus yakni haram bagi siapa yang ada air, memberi air itu kepadanya dan ia pergi bertayammum, bahkan mesti ia mengambil air sembahyang dengan air itu dan membiarkan orang yang meninggalkan sembahyang itu dalam keadaan haus dahaga, kerana ia tidak dihormati sebagai anjing yang ganas dia tiada dihormati akan dia pada ugama Islam dan sayugialah bagi orang yang berpegang dalam ajaran Islam jangan ia hadir dalam majlis-majlis orang yang meninggalkan sembahyang dan dalam jamuannya dan jenazahnya dan jangan ia sembahyangkan di atasnya dengan terang-terang supaya orang lain insaf dan tiada mencuaikan sembahyang, bahkan sayugia sebagaimana kata Al-Qutbu Saiyyiduna Ahmad bin Sumait ditanam mayatnya di suatu tempat yang jauh dari kubur orang Islam dan dinamakan kuburnya kubur orang fasik.

**Murtad dan sebab-sebabnya:**

Erti murtad itu orang Islam yang memutuskan hubungannya dengan ugama, sama ada ia putuskan hubungannya itu dengan hati atau niat kufur atau dengan sebab suatu perkataan kufur atau dengan suatu perbuatan kufur, sama ada ia berkata kufur itu dengan menghinakan Islam atau dengan degil atau dengan iktikad dan percaya seperti ia nafikan ada Allah atau ia nafikan adanya Rasul-Rasul Allah, atau ia dustakan atau menghinakan seorang Rasul yang diutuskan oleh Allah atau Nabi Allah atau ia halalkan sesuatu perkara yang haram yang telah sabit adanya dalam Islam dengan ijmak ulama Islam, seperti zina atau sebaliknya atau ia haramkan sesuatu yang halal dalam ugama Islam yang telah sabit adanya dalam Islam dengan ijmak dan sekata ulama umat Islam seperti ia haramkan sembahyang Rawatib dan sembahyang raya, atau ia berazam hendak kufur besok atau ia berbalah-balah hendak kufur atau ia taklikkan hendak kufur dengan sesuatu perkara dan perbuatan yang menjadikan kufur itu ialah perbuatan yang disenghajakan kerana menghina-hinakan Islam dengan berterang-terang atau engkarkan Islam seperti ia membuang mushaf Quran pada benda yang kotor atau ia sujud kepada berhala atau matahari atau pada sebarang makhluk.

Perkara yang membawa keluar dari Islam atau memutuskan hubungan dengan Islam itu banyak perkaranya dan di sini hanya disebutkan dengan cara ringkas sebagai kaedah bagi dikiaskan lain-lain perkara yang membawa keluar dari ugama Islam.

Orang yang murtad itu jika ia murtad sebelum dukhul dengan isterinya, sama ada yang murtad itu suami atau isteri, maka putuslah hubungan nikah di antara keduanya dan tercerai atau murtad keduanya atau salah seorang daripada keduanya sesudah dukhul (bersetubuh), maka jika keduanya balik ke dalam Islam semula dalam masa iddah maka kekal nikah keduanya dan jika tiada masuk dalam Islam semula dalam masa iddah maka tercerai dan terpisahlah nikah keduanya.

Orang murtad itu wajib ia bertaubat dan masuk Islam semula dengan mengucap dua kalimah syahadat dan berhenti dari perkara yang membawa ia kepada murtad dan kufur itu dan ia berlepas diri dari segala perkara yang berlawanan dan menyalahi ugama Islam.

Orang murtad itu tiada harus disembahyangkan di atas bangkainya dan tiada harus ditanam bangkainya dalam perkuburan orang Islam kerana ia bukan orang Islam dan perkuburan orang Islam itu khas bagi orang Islam dan harus bangkainya itu dibiarkan kepada anjing dan jika ditakuti bau busuk datang dari bangkainya itu menyakiti orang Islam maka ditanamkan dia.

Orang murtad itu hartanya menjadi harta bagi umat Islam. Dan jika ia menyembelih binatang yang halal maka tiadalah halal sembelihannya itu kepada umat Islam, kerana dari syarat orang yang memyembelih binatang yang halal itu hendaklah ia Islam dan orang murtad bukan ia orang Islam dan sembelihannya menjadi bangkai.

Orang murtad itu tiada sah ia menjadi wali nikah dan menjadi saksi dan tiada sah ia nikah dengan perempuan Islam atau lain perempuan kerana ia bukan orang Islam.

Maka dari fatwa Al-Imam Al-Habib Abdullah bin Yahya dan Al-Allamah As-Syed Al-Mashur dan Al-Qutbus Syed Ahmad bin Sumait dan dari ibarat ulama yang saya kutip dan naqalkan dari Al-Minhaj, Fathul-Mu'in, At-Tuhfah dan An-Nihayah dan lain yang di atas ini, kita dapat ketahui bagaimana kita berummalah dan bercampur gaul dengan orang murtad itu.

HAFIDZAKALLAHU
WALLAHU AKLAM.



YANG Dipertua Persatuan Amatur Veteran Brunei, Awang Haji Abd. Razak Bungsu ketika menyampaikan derma untuk Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei-Muara kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



PENGARAH Urusan The Island Development Bank menyampaikan derma kepada Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## DUA SUMBANGAN DERMA DITERIMA

BERAKAS. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan menerima dua sumbangan derma masing-masing berjumlah $8,658.50 untuk Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Orang-Orang Cacat Daerah Brunei Muara

Sumbangan derma itu telah disampaikan oleh Pengarah Urusan The Island Development Bank, Awang Franciso Tuanzon kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien dengan disaksikan oleh Pengerusi Badan Sukan IDB, Awang Md. Suhaili bin Chek Man dan Penolong Pengerusi badan tersebut, Awang Philip Shim.

Wang itu adalah hasil daripada kutipan amal lumba berjalan kaki (walkathon) yang dianjurkan oleh Badan Sukan Island Development Bank pada 21 Disember tahun lalu.

Sementara itu di majlis yang sama juga Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, juga menerima derma sebanyak $610.00 untuk Tabung Anak-Anak Yatim di daerah ini.

Derma itu adalah sumbangan daripada Persatuan Amatur Veteran Brunei yang telah disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan, Awang Haji Abd. Razak Bungsu dengan disaksikan bersama oleh Setiausaha Persatuan, Awang Abdullah Mustafa dan Bendaharinya, Awang Lionel Keasberry.

## Penuntut-penuntut Brunei di UK adakan sambutan Maulud

LONDON. — Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom telah mengadakan satu majlis berzikir sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah berlangsung di Rumah Brunei selama tiga malam berturut-turut bermula pada 22 hingga 24 November 1985.

Turut hadir di majlis itu termasuklah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid; pegawai-pegawai di Suruhanjaya Tinggi Brunei serta pegawai-pegawai Unit Pengajian Penuntut-Penuntut Brunei di London.



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai dan penuntut-penuntut yang menghadiri sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Rumah Brunei baru-baru ini. — Gambar oleh Haranadi bin Buntar.

## JKKK ADAKAN MESYUARAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Kebajikan Kampong Kulapis telah mengadakan mesyuarat pertamanya bagi tahun 1986, pada 3 Januari lalu bertempat di rumah Ketua Kampung, Awang Haji Nayan bin Apong.

Antara agenda yang telah dibincangkan termasuklah usaha membuat tempat peranginan, bekalan telefon, pembinaan surau, pembaikan jalan raya dan rancangan bagi tahun 1986.

# DADAH: IBU BAPA PERLU AWASI TINGKAH LAKU ANAK-ANAK




MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam titah sempena tahun baru 1986, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, telah menekankan suatu peringatan bahawa penyalahgunaan dadah boleh melemahkan masyarakat dan bahkan akhirnya akan meruntuhkan masyarakat tersebut. Ia adalah antara jenis-jenis bahaya dan masalah yang paling serius yang sedang dihadapi, di antaranya oleh beberapa buah negara di sebelah sini iaitu negara-negara jiran tetangga.

Menyebut negara-negara jiran tetangga ini, kita merasa lebih takut serta bimbang kerana sebagaimana termaklum dari segi geografi atau ilmu alam, kedudukan mereka itu adalah amat hampir dengan kita, kerana itu peringatan berkenaan dengan bahaya dadah ini adalah kena pada waktunya, paling mustahak dan mesti diambil berat oleh sekalian lapisan rakyat. Ibarat penyakit berjangkit, kita perlu ada kawalan dan persediaan memahami masalah-masalahnya.

Menyentuh masalah kawalan ini maka sekali lagi kita rujuk titah iaitu agar bahaya dadah itu tidak akan sampai merebak ke negara ini, maka peranan ibu bapa adalah amat diperlukan untuk sentiasa memerhati serta mengawasi tingkah laku anak-anak mereka dan lebih-lebih lagi jika terdapat sebarang tanda menunjukkan anak-anak itu telah menjadi mangsa penyalahgunaan dadah, maka di sini ibu bapa itu mestilah memahami cara apa yang mesti mereka lakukan.

Demikian juga tanggungjawab ini terpikul sama di atas bahu guru-guru dan pegawai-pegawai penjaga asrama bagi penuntut-penuntut. Kerana guru-guru dan pegawai-pegawai itu adalah ganti ibu bapa di luar sekolah, serta orang yang paling berpengaruh kepada mereka itu (penuntut-penuntut), jadi memang wajarlah peringatan ini ditujukan juga kepada guru-guru dan pegawai-pegawai yang berkenaan itu.

Selain itu, titah juga merangkum sekali pihak-pihak tertentu yang khusus ditugaskan pada mencegah kemasukan dadah ke negara ini agar mereka itu sentiasa ingatkan tugas-tugas mereka dan mengambil tindakan yang cergas pada mematahkan setiap percubaan untuk memasukkan dadah ke negara ini.

Dan akhir sekali diingatkan tentang kewajipan seluruh masyarakat supaya memberikan kerjasama dengan sepenuhnya kepada pihak-pihak berkenaan dalam usaha untuk mencegah bahaya ini.

Dari segi penglibatan yang dikehendaki itu adalah menyeluruh. Hal ini selaras dengan kehendak ugama seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

*"Tiap-tiap kamu itu pengembala (bertanggung-jawab sebagai pengawal) dan tiap-tiap pengembala atau pengawal itu bertanggung-jawab bagi kawalannya."*

Jadi jika masing-masing orang, ketua terhadap orang bahawannya, ibu bapa terhadap anaknya, guru-guru terhadap muridnya dan sebagainya itu melaksanakan tugas masing-masing sebagai pengawal dengan jujur, amanah, ikhlas semata-mata kerana Allah dan betul-betul untuk kesejahteraan bersama di bawah suatu kepentingan kerana negara maka, insya-Allah kita akan selamat, bangsa kita akan selamat dan Negara Brunei Darussalam akan selamat.

# NAFSU MERUPAKAN PENGARUH BESAR DALAM KEHIDUPAN MANUSIA SEHARI-HARI

## Menuju keredaan Allah

AKHLAK terbahagi kepada dua jenis iaitu akhlak terpuji atau mahmudah dan akhlak yang tercela iaitu akhlak mazmumah. Di antara akhlak mahmudah itu ialah cara mengendalikan nafsu.

Nafsu merupakan salah satu dari organ rohani manusia di samping akal. Pengaruhnya sangat besar dalam kehidupan manusia sehari-hari kerana nafsu boleh menunjukkan jasmani untuk melakukan sesuatu untuk bertindak. Ia boleh mendatangkan manfaat kadang-kadang ia juga selalu mendatangkan mudarat. Keadaan ini bergantung kepada cara manusia perseorangan mengendalikannya.

Setengah manusia tidak dapat mengendalikan nafsu lalu ia mencari jalan dengan jalan membunuhnya. Terdapat golongan yang lain pula menyanjung hawa nafsu dengan memuliakannya sehingga ia mencari raja bagi dirinya. Jalan yang paling selamat ialah pertengahan iaitu mengendalikan dalam keadaan seimbang. Sebab itulah Al-Quran melarang supaya jangan terlalu menurutkan hawa nafsu iaitu dalam surah As-Saad ayat 26 tafsirnya, *"Dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana hawa nafsu akan menyesatkan kamu dari jalan Allah."*

Kemudian sebahagian dari manusia dalam menghadapi hawa nafsu itu mengambil sikap jalan tengah iaitu mengendalikan hawa nafsu mengikut cara yang digalakkan oleh ugama iaitu pertengahan. Ia menjadi tuan kepada hawa nafsunya dan bukannya menjadi hamba kepada hawa nafsu. Selanjutnya Rasullullah bersabda ertinya: *"Tidak beriman di antara kamu sehingga hawa nafsunya mengikut ugama Islam yang kubawa."*

Untuk mengendalikan hawa nafsu bukannya mudah. Ia memerlukan banyak latihan. Latihan dan amalan dinilai sebagai perang besar atau jihad besar sebab itulah Rasulullah mengatakan orang yang kuat itu bukanlah orang yang menang bertempur dengan musuh tetapi mereka yang berjaya menguasai hawa nafsu.

Selain dari mengendalikan hawa nafsu ada lagi sifat yang lain iaitu benar atau jujur. Kita digalakkan berkata benar kerana sifat ini adalah penting untuk kita di kemudian hari kerana Rasulullah pernah menyebutkan bahawa kebenaran itu seperti kunci untuk masuk ke syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda ertinya: *"Wajib kepadamu berlaku benar kerana sesungguhnya kebenaran itu membawa kepada kebaikan dan kebaikan membawa ke syurga. Seorang tiada hentihenti berkata dan berlaku benar dan mengusahakan sungguh-sungguh akan kebenaran sehingga dicatat ia di sisi Allah sebagai seorang yang sidiq."* (diriwayatkan oleh Bukhari).

Kemudian sifat seterusnya ialah ikhlas iaitu banyak melakukan sesuatu itu dengan sepenuh hati dan tidak mengharapkan balasan, semua amalan dilakukan kerana Allah semata-mata.

Ada lagi sifat yang mesti ada pada kita umat Islam iaitu sifat qanaah. Qanaah ialah menerima dengan reda apa yang ada atau merasa cukup dengan apa yang dimilikinya. Mengenai dengan qanaah terdapat salah tanggapan. Setengah orang berpendapat sifat qanaah adalah sifat negatif iaitu menggalakkan orang berpeluk tubuh tidak mahu berusaha kerana apa yang ada pada mereka sudah memadai.

Qanaah yang dimaksudkan oleh Islam ialah qanaah hati bukan qanaah ikhtiar.

Sebenarnya qanaah mengandungi 5 perkara:-

1. Menerima dengan rela apa yang ada.
2. Memohon kepada Tuhan tambahan yang sesuai disertai dengan usaha dan ikhtiar.
3. Menerima dengan sabar ketentuan Tuhan.
4. Bertawakal kepada Tuhan.
5. Tidak tertarik oleh tipu daya.

Jadi jelasnya qanaah itu bersangkutan dengan hati iaitu hati kita menerima dengan rela segala yang datang dari Allah dan kita tanggung dengan tabah sesuatu yang menimpa kita. Di samping itu kita tidak henti berusaha dan bertawakal serta berdoa. Kita tidak tamak dan rakus menerima pemberian dari Allah dan kita tidak gelisah dan tidak berputus asa bila ditimpa bencana. Rasulullah pernah bersabda mengenai qanaah yang ertinya: *"Berbahagialah barangsiapa yang mendapat petunjuk untuk masuk Islam sedang keadaan hidupnya sederhana tapi qanaah."* (Riwayat At-Termizi) Hadis yang lain pula berbunyi: *"Qanaah itu adalah harta yang tak bisa hilang dan simpanan yang tak akan lenyap.* (Riwayat Tabrani dari Jabir).

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 22 Januari, 1986 hingga ke hari Selasa 28 Januari, 1986 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Januari | | | | | | | | | | | | |
| 22 | 12.34 | 3.54 | 3.55 | 6.28 | 6.29 | 7.41 | 7.42 | 5.22 | 5.08 | 5.23 | 6.35 | 6.36 |
| 23 | 12.34 | 3.54 | 3.55 | 6.28 | 6.29 | 7.41 | 7.42 | 5.22 | 5.08 | 5.23 | 6.35 | 6.36 |
| 24 | 12.35 | 3.54 | 3.55 | 6.28 | 6.29 | 7.41 | 7.42 | 5.22 | 5.08 | 5.23 | 6.35 | 6.36 |
| 25 | 12.35 | 3.55 | 3.56 | 6.29 | 6.30 | 7.41 | 7.42 | 5.22 | 5.08 | 5.23 | 6.35 | 6.36 |
| 26 | 13.35 | 3.55 | 3.56 | 6.29 | 6.30 | 7.42 | 7.43 | 5.23 | 5.10 | 5.24 | 6.35 | 6.36 |
| 27 | 12.35 | 3.55 | 3.56 | 6.29 | 6.30 | 7.42 | 7.43 | 5.23 | 5.10 | 5.24 | 6.35 | 6.36 |
| 28 | 12.35 | 3.55 | 3.56 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.43 | 5.23 | 5.10 | 5.24 | 6.36 | 6.37 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## MEMELUK UGAMA ISLAM

DAERAH TUTONG. — Satu majlis pengislaman telah dilangsungkan pada 2 Januari lalu bertempat di Kg. Bukit Udal bagi satu keluarga dari Puak Dusun yang diketuai oleh Awang Umar bin Nayan.

Majlis tersebut dimulai dengan lafaz ikrar pengislaman yang telah disempurnakan oleh beberapa orang Pegawai Ugama dari Daerah Tutong dan Bandar Seri Begawan. Awang Umar bin Nayan berusia 58 tahun dan isteri beliau Dayang Wang Sai Fah 50 tahun memilih nama Islamnya sebagai Dayang Saifah binti Abdullah.

Sementara itu 4 orang anak mereka kini dikenali sebagai Awang Kamal, Dayang Noreta, Awang Mohd. Jeff Fariz dan Awang Mohammad Shamsul.

Majlis pada malam itu dihadiri oleh Yang Berbahagia Awang Abd. Aziz bin Mohammad Pegawai Daerah Tutong, Kadi Daerah Tutong, Pegawai-Pegawai Ugama dan penduduk-penduduk kampung. Ianya telah diserikan dengan zikir marhaban.

## Pendaftaran dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran Trengkas dan Menaip di Sekolah Rendah Kerajaan Pengiran Anak Puteri Besar kini dibukakan kepada orang ramai.

Pendaftaran telah bermula sejak 17 Januari hingga hujung bulan Januari depan tiap-tiap hari Jumaat dan Ahad bermula dari 4.30 hingga 6.30 petang.

# Peralihan teknologi: K'jaan dan swasta bekerjasama

Oleh Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkembangan perusahaan sebagai proses berterusan adalah perlu dalam masa lima tahun akan datang untuk mewujudkan keadaan-keadaan asas bagi perkembangan perusahaan di masa akan datang.

Ini telah ditegaskan oleh Pegawai Kanan Ekonomi di Unit Perancang Ekonomi, Datin Thu Ha Rosnah Johar ketika menyampaikan taklimat mengenai Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 kepada kira-kira 25 orang diplomat asing di negara ini bertempat di Bilik Taklimat Unit Perancang Ekonomi pada 13 Januari lepas.

"Di bawah rancangan kemajuan negara, Kerajaan akan mewujudkan kerjasama awam dan syarikat-syarikat untuk terlibat langsung atau tidak langsung dalam usahasama dan peralihan teknologi," tambah beliau.

Diplomat-diplomat asing yang hadir pada hari itu juga diberi peluang mengajukan pertanyaan dan pandangan masing-masing di majlis itu.

Taklimat itu juga bertujuan bagi menerangkan kepada diplomat-diplomat tersebut mengenai matlamat, strategi dan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 di samping bagi mendapatkan maklum balas dari mereka.



PERWAKILAN-PERWAKILAN asing ketika menghadiri taklimat Rancangan Kemajuan Negara ke-5 baru-baru ini. — Gambar oleh Abdullah Awg. Damit.




YANG Dipertua PUJA, Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit mempengerusikan Mesyuarat Agung PUJA 1986. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

# PUJA ANJUR MESYUARAT AGUNG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Brunei Darussalam, (PUJA), telah mengadakan mesyuarat agung tahunannya bertempat di Dewan Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill di sini pada hari Ahad baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua PUJA, Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit.

Antara agenda di majlis itu ialah mengesahkan minit mesyuarat agung yang pertama yang telah diadakan pada 9 Disember 1984, mendengar laporan dari Yang Dipertua dan hal-hal aktiviti yang lain.

Seramai lebih kurang 30 orang ahli pertubuhan PUJA telah menghadiri mesyuarat tersebut. Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) kini mempunyai ahli seramai 55 orang dan PUJA telah ditubuhkan pada 26 Januari 1984.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak 22 Januari hingga 29 Januari 1986

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Seko'ah Rendah Kerajaan Serasa | 22.1.1986 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Seko'ah Rendah Kerajaan Mentiri | 22.1.1986 | Rabu | 10.45–11.15 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 22.1.1986 | Rabu | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang | 22.1.1986 | Rabu | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lumut dan Sungai Liang | 23.1.1986 | Khamis | 10.00–11.00 | pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 23.1.1986 | Khamis | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan A. Haji Md Yussof Katimahar | 25.1.1986 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 25.1.1986 | Sabtu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mulaut | 25.1.1986 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Birau | 25.1.1986 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang | 25.1.1986 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Seko'ah Rendah Kerajaan Lamunin | 25.1.1986 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Haji Md Salleh Sungai Hanching | 27.1.1986 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan | 27.1.1986 | Isnin | 1.45– 2.45 | petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 28.1.1986 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Anggerik Desa, Berakas | 28.1.1986 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar Kampong Kiulap | 28.1.1986 | Se'asa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong | 28.1.1986 | Se'asa | 3.30– 4.00 | „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 28.1.1986 | Se'asa | 4.30– 5.00 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis | 29.1.1986 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu | 29.1.1986 | Rabu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Masin | 29.1.1986 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang | 29.1.1986 | Rabu | 2.00– 3.00 | petang |

# Hasilkan lukisan yang menggambarkan permainan orang-orang Brunei

Oleh Mohd. Yussof Meluddin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Preview Pameran Lukisan Kanak-kanak ASEAN kali ke-3 telah diadakan Selasa lepas di Dewan Pameran Jabatan Muzium-Muzium Brunei di Kota Batu minggu lalu.

Perasmiannya telah dilaksanakan oleh Timbalan Naib Chanselor, Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Berucap di majlis itu ialah Pemangku Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Haji Metussin bin Omar yang juga selaku Pengerusi Pameran Lukisan Kanak-Kanak ASEAN kali ke-3.

Dalam kata-kata aluannya, beliau menerangkan bahawa, "Projek ini merupakan satu kebaikan bagi membentuk bakat kanak-kanak supaya menjadi pelukis-pelukis yang berpotensi di masa hadapan."

Ia juga merupakan bagi meningkatkan lagi minat dan penghargaan kanak-kanak dalam bidang lukisan dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya melalui pameran hasil-hasil kerja kanak-kanak, jelasnya.

Dalam penyelarasan projek tersebut, beliau menjelaskan bahawa setiap negara-negara ahli yang mengambil bahagian dimestikan menghantar penyertaannya sebanyak 30 buah lukisan. Penyertaan tersebut mestilah mengandungi tidak kurang dari 15 orang kanak-kanak yang berumur di antara enam hingga 15 tahun.

Negara Brunei Darussalam telah menghantar 24 buah lukisan untuk dipamerkan yang mana ini bukan bererti penyertaan kanak-kanak di negara ini tidak menggalakkan.

"Kebanyakan lukisan-lukisan yang diterima hanya menggambarkan permainan-permainan yang sama dan jenis-jenis permainan itu adalah terhad, walhal negara kita kaya dengan jenis-jenis permainan." Jawatankuasa penyelanggara telah menerima sebanyak 367 buah lukisan dan hanya 24 buah lukisan tersebut yang dianggap sesuai atau layak mewakili Negara Brunei Darussalam.

Mengenai hal ini, beliau berharap khususnya guru-guru dan ibu bapa umumnya akan dapat memberikan galakan yang sepenuhnya kapada murid-murid atau kanak-kanak mereka supaya menghasilkan lukisan-lukisan yang menggambarkan permainan-permainan orang-orang Brunei di masa-masa akan datang.

Di majlis itu juga, dilangsungkan penyampaian hadiah kapada kanak-kanak yang lukisan-lukisan mereka terpilih di pameran tersebut.

Dengan adanya pameran seperti ini, maka minat dan bakat kanak-kanak dalam bidang lukisan akan lebih berkembang dan dapat mencurahkan fikiran dan pandangan mereka terhadap apa jua yang mereka lihat di sekeliling dan dalam masyarakat amnya.

Pameran Lukisan Kanak-Kanak ASEAN kali ke-3 ini telah dibuka untuk kunjungan orang ramai khususnya kanak-kanak sehingga 26 Januari bermula jam sembilan pagi hingga lima petang.

Sebanyak 174 buah lukisan kanak-kanak dari negara-negara ASEAN telah dipamerkan.

Pameran ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (COCI) yang dilaksanakan secara bergilir-gilir di antara negara-negara ASEAN. Sebelumnya Pameran Lukisan kali ke-3 ini telah diselaraskan oleh negara Thailand dan Brunei Darussalam merupakan kali pertama menyertai projek pameran tersebut.



DAYANG Sia Lee Hui berusia sebelas tahun, sedang menerima hadiah dari Timbalan Naib Chanselor Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong. Dayang Sia Lee Hui memenangi tempat pertama dalam kumpulan yang berumur antara 10 hingga 12 tahun. — Gambar oleh Pengiran Abu Bakar.

# KETIADAAN MAJIDI SERANGAN BRUNEI KURANG KEMAS

KETIADAAN penyerang handalan Majidi Ghani dalam skuad kebangsaan sedikit sebanyak melemahkan barisan depan serangan dan selanjutnya menyukarkan kedudukan Brunei untuk merebut tempat ke suku akhir.

Tewas empat kali berturut-turut bulan ini sudah cukup membayangkan bahawa peluang untuk menjadi salah sebuah daripada lapan pasukan terbaik untuk melangkah ke suku akhir amat tipis sekali, memandangkan kelakonan yang diperlihatkan setakat ini belum menjamin matlamat ke arah itu.

Bagaimanapun keadaan ini mungkin berubah seandainya kelemahan-kelemahan ketika ini dapat diatasi menjelang perlawanan-perlawanan selanjutnya.

Kelemahan yang paling ketara ialah barisan penyerang, di mana sejauh ini mereka gagal meyempurnakan tugas menjaringkan gol, sekalipun memperolehi peluang-peluang keemasan di depan pintu gol lawan. Serangan-serangan yang mereka lancarkan sering tersekat-sekat apabila mendapat tekanan daripada pemain pertahanan lawan. Di samping itu barisan penyerang juga gagal mempergunakan umpanan-umpanan baik daripada pemain-pemain midfield yang terdiri daripada Zainuddin Kassim dan Faisal Yusof. Justeru dengan keadaan itulah semua gerakan menjadi sia-sia serta terlepas begitu saja.

Setakat ini kesemua jaringan yang diperolehi oleh Brunei kesemuanya melalui pemain-pemain pertahanan yang sering bertindak sebagai 'overlaping' bagi membantu barisan serangan. Japari Samad, Ali Rashid dan Yusli Yusof masing-masing menjaringkan satu gol, manakala barisan penyerang masih belum berupaya melaksanakan tugas tersebut.

Sementara itu Majidi Ghani yang sebelum ini berada di rumah sakit dilaporkan telah pun keluar dari sana dan direhatkan daripada bermain buat beberapa waktu sehingga keadaannya pulih sediakala.

Beliau yang mendapat kecederaan ketika bertembung dengan penjaga gol Melaka dalam perlawanan pertama di tempat sendiri telah dimasukkan ke rumah sakit beberapa hari lalu.

Menurut Setiausaha BAFA, Pengiran Metussin, Majidi mungkin berpeluang menyarung jersi kebangsaan sekiranya kecederaan pemain itu pulih sediakala dan dapat mengekalkan kecergasan prestasinya di samping bersedia untuk bermain semula.

"Peluangnya masih ada. Cuma terpulanglah kepadanya sama ada mahu bermain lagi atau tidak. Bagaimanapun pertimbangan tersebut tertakluklah kepada keadaan kecergasannya serta kesediaannya untuk kembali bermain," jelasnya.

Mengulas mengenai kemunculan James Wong dalam skuad Sabah menjelang pertemuan dengan Brunei menyatakan kehadiran pemain tinggi lampai itu sedikitpun tidak menggerunkan pemainnya, memandangkan para pemainya sudah biasa bertemu dengan Sabah serta tahu akan corak permainan masing-masing.



MOKHTAR Dahari melihat sasaran bola di kawasan Brunei, manakala Sarbini Razali dan Ak. Momin memerhatikan saja tanpa berbuat sesuatu.



AKU punya...... Marzuki Haji Salam dan Khalid Ali berebut mendapatkan bola dalam pertemuan antara Selangor dengan Brunei di Stadium Merdeka Kuala Lumpur.

## Pertemuan Brunei — Sabah

# KELINCAHAN JAMES WONG PERLU DIKAWAL RAPI

AWAS, kemunculan James Wong dalam Skuad Sabah menjelang pertemuan dengan Brunei 26 Januari ini memberi amaran serious kepada Brunei supaya berhati-hati, kerana sebarang kelalaian berlaku nanti pasti akan membuka ruang baginya untuk mencetak gol.

James Wong yang sebelum ini telah pun bersara daripada mewakili Pasukan Kebangsaan Malaysia dan Sabah, muncul semula untuk beraksi mewakili Sabah tahun ini setelah beberapa kali menolak pelawaan Sabah FA.

Kehadiran James Wong setentunya akan menyukarkan negara tuan rumah untuk mengutip mata penuh. Setakat ini James Wong merupakan penjaring terbanyak Piala Malaysia musim ini di samping Zainal Abidin dari Selangor dengan masing-masing menyumbat lima gol.

Kekalahan teruk kepada Selangor 6-2 di Kuala Lumpur minggu lalu sudah cukup sebagai pengajaran wajar agar ianya tidak akan berulang lagi.

Dalam pertemuan dengan Selangor itu para pemain pertahanan berjaya mengunci setiap pergerakan pemain veteran Mokhtar Dahari sehingga langsung tidak berjaya menjaringkan gol. Tetapi, mereka gagal menyekat kemaraan Zainal Abidin sehingga dalam masa 60 minit permainan beliau berjaya menjaringkan lima gol.

Ternyata bahawa benteng pertahanan masih belum kukuh dan jika hal ini berlanjutan, tidak mustahil jikalau James Wong nanti akan mengulangi perkara yang sama ke atas Brunei seperti yang dilakukan oleh Zainal Abidin.

Sejak perlawanan pertama dengan Melaka awal tahun ini, James Wong berjaya mempamerkan permainan yang baik dan dapat melaksanakan tugasnya sebagai penyudah. Kesemua gol-gol yang diperolehi oleh Sabah dalam tiga perlawanan yang lalu adalah dihasilkan oleh James Wong sendiri.



JAMES Wong beraksi semula mewakili Sabah.



Oleh Ahat Ismail

## BELIA & SUKAN



SEBAHAGIAN daripada perwakilan-perwakilan belia yang menghadiri Kongres Agung MBB baru-baru ini. — Gambar oleh Abdullah Awang Damit.

# LEBIH 150 ORANG HADIRI KONGRES AGUNG MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih 150 orang perwakilan-perwakilan belia dari 36 buah pertubuhan-pertubuhan belia dan kebajikan menghadiri Kongres Agung Perwakilan MBB di sini baru-baru ini.

Kongres tersebut telah dilangsungkan di Pusat Belia di ibu negara dan telah dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim.

Acara pada pagi itu telah bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah disampaikan oleh Awang Haji Junaidi bin Haji Abdullah kemudiannya diikuti dengan ucapan dasar yang telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Brunei bagi tahun 1984/1985.





YANG Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan mendengar penerangan dari para pensyarah bahagian komputer institut itu ketika tetamu kehormat itu melawat ke bilik-bilik kuliah dan makmal-makmal (atas). Sementara gambar bawah kelihataan sebahagian dari jemputan khas terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan para diplomat asing ke negara ini yang hadir di majlis itu.

TETAMU kehormat, Me...



# 59 PEN...

Oleh...
Gam...

BIDANG pendidikan ya... merupakan asset ... perkembangan negara ... melangkah setapak lag... penubuhan Institut Tek... Brunei (ITB).

Menteri Pelajaran da... Yang Dimuliakan Pehi... Laila Wijaya Dato Seri ... Haji Abdul Aziz telah ... Majlis Memulakan Kur... Orientasi Institut Tekn... pada hari Khamis lepa...

Institut itu yang ber... sementara di Maktab ... Saiful Rijal ditubuhka... antara lain bagi meny...





BANGUNAN perpustakaan dan makmal komputer Institut Teknologi Brunei di kampus sementara di Maktab Tek... (atas).

BANGUNAN pentadbiran Institut Teknologi Brunei yang terletak di kawasan kampus sementara di Maktab Tek...




sihatan dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang hadir di Majlis Memulakan Kursus dan Orientasi ITB.



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menekan punat sebagai menandakan perasmian Memulakan Kursus dan Orientasi Institut Teknologi Brunei (atas).

# TUT MULAKAN KURSUS DI ITB

ji Abu Bakar
in

tenaga terlatih dalam bidang teknik, pentadbiran dan perdagangan peringkat pertengahan bagi keperluan pembangunan negara dan pihak swasta.

Ia menawarkan kursus dalam bidang Perdagangan (Business Studies), Komputer (Computer Studies) dan Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik (Electrical and Electronic Engineering).

Bagi semester pertama ini seramai 59 penuntut telah diterima bagi mengikuti bidang-bidang berkenaan, iaitu 54 orang penuntut yang menerima dermasiswa dan lima orang lagi kakitangan yang menerima dermasiswa Latihan Dalam Perkhidmatan.

Bahagian pentadbiran di institut ini terdiri dari Institut yang dijawat oleh Awang Mustafa bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah, Pendaftar dan Perpustakaan.

Menurut Pendaftar Institut itu, Awang Azaharaini Haji Md. Jamil, kemasukan ke institut itu umumnya mengandungi dua syarat iaitu syarat umum dan syarat khusus.

Syarat umum, calon-calon mestilah mempunyai 4 mata pelajaran dengan kepujian di peringkat 'O' termasuk bahasa Melayu. Syarat khusus pula ialah tertakluk kepada jurusan kursus lazimnya mempunyai 4 mata pelajaran dengan kepujian di peringkat 'O' termasuk satu mata pelajaran berkenaan di peringkat 'A'.

Kampus tetap Institut Teknologi Brunei nanti terletak di kawasan Kampong Tungku berdekatan dengan kampus kekal Universiti Brunei Darussalam yang mempunyai keluasan 200 ekar.



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dialu-alukan oleh para pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sebaik-baik saja ketibaannya bagi majlis Memulakan Kursus dan Orientasi ITB (kiri).

BILIK kuliah dan makmal komputer dan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik terletak di Tingkat Dua dan Tiga bangunan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. — (bawah).



# rtb/Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

## KELUARGA SI AWANG

BIDANG drama merupakan salah satu cabang seni yang dikirakan boleh mendedahkan peri kehidupan manusia sejagat. Sama ada perihal kehidupan manusia itu secara individu atau perseorangan, perkumpulan atau bermasyarakat mahupun peringkat kenegaraan. Maka bidang seni yang kita namakan drama itu sedikit sebanyak berkeupayaan memplomairkan dari bibit-bibit kehidupan manusia itu sendiri.

Melalui bentuk seni drama inilah juga radio terus menerus mengkeudarakan apa juga yang difikirkan bersesuaian dan munasabah untuk ditatapi oleh pendengar. Umpamanya rancangan Keluarga Si Awang.

Dalam rancangan ini pendengar dibawa dan didedahkan kepada perkara-perkara yang bercorak semasa sebagai target utamanya. Melalui pendedahan ini, watak-watak yang menghidupkan drama keluarga Si Awang ini membuatkan beberapa komen, pendapat mahupun pandangan dalam apa juga yang dilakukan oleh watak yang menghidupkan sesuatu drama itu.

Ke arah bentuk ini pula penulis atau boleh dikatakan orang yang membuat cerita dalam bentu drama Keluarga Si Awang menciptakan beberapa aliran pemikiran yang dikirakan mudah diikuti dan senang difahami oleh pendengarnya. Asalkan cerita yang mahu ditulis itu berlandaskan beberapa faktor yang digariskan seperti berikut:

PERTAMA: Mengketengahkan dan menyokong apa juga projek, dasar kerajaan. Sama ada yang sudah, sedang dan yang akan dirancang. Maka tema seperti ini elok diadikan perkara pokok utama dalam cerita yang mahu dibuat, dan jangan lupa pula biarlah ianya sesuai pada masa sesuatu cerita itu disiarkan.

KEDUA: Mengketengahkan perkara hal-ehwal semasa seperti musim buah, musim bermain layang-layang, musim-musim peperiksaan dan lain-lain lagi yang dikirakan juga bersesuaian pada rancangan itu tersiar.

KETIGA: Hal kekeluargaan dan perihal kehidupan manusia yang boleh diketengahkan dalam rancangan ini adalah juga diperbolehkan untuk membuatnya, asalkan itu juga bersesuaian dan munasabah.

Bertolak dari bentuk landasan di atas, maka pihak radio adalah mengharapkan kepada penulis-penulis tanahair untuk sama-sama menyenkutukan diri bagi menjayakan kewujudan rancangan ini, meskipun rancangan ini cuma dikeudarakan dua minggu sekali dan disiarkan pada setiap hari Jumaat jam 2.00 petang.

Untuk itu radio menghasratkan biarlah kewujudan rancangan Keluarga Si Awang ini akan memberikan satu nafas baru di tahun 1986 ini dalam bidang seni drama tanahair dan tidak terkecuali ianya akan dapat memberikan kesan yang mendalam kepada pendengar, peminat dan juga kepada mereka yang sama-sama menyertai dan sama-sama menjayakan rancangan KELUARGA SI AWANG ini sampai bila-bila.

## PENYAMPAI SAMBILAN

ORANG ramai khususnya belia-belia yang berminat untuk menjadi Penyampai Sambilan bagi rancangan baru Televisyen Pendidikan, iaitu Rancangan Kuiz "CUBA-CUBA", adalah dipersilakan untuk mengemukakan permohonan masing-masing dengan menggunakan borang yang boleh didapati dari:

Ketua Televisyen Pendidikan/Penerbit Rancangan,
Radio Televisyen Brunei
Jabatan Penyiaran dan Penerangan,
Brunei Darussalam

atau

Bahagian Penyambut Tetamu,
Bangunan Radio Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam

**Syarat-syarat Permohonan**

i) Pemohon-pemohan mestilah berumur di antara 20 hingga 35 tahun dan fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.
ii) Pemohon-pemohon akan dikehendaki menjalani 'AUDITION AND SCREEN TEST' pada suatu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

Pemohon-pemohon yang berjaya dipilih sebagai Penyampai Sambilan akan dibayar menurut kadar yang telah ditetapkan oleh RTB.

Borang-borang yang sudah diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat di atas tidak lewat dari 2 Februari, 1986.

## RANCANGAN KUIZ "CUBA-CUBA"

BAHAGIAN Televisyen Pendidikan, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, akan mengadakan rancangan baru kuiz bertajuk: "CUBA-CUBA".

Kepada orang ramai khasnya belia-belia yang berumur di antara 15 hingga 35 tahun yang berminat untuk menyertai rancangan ini bolehlah mendapatkan borang-borang penyertaan di Bahagian Penyambut Tetamu Radio Televisyen Brunei atau berhubung terus kepada Penerbit Rancangan telefon 2311 sambungan 245 atau 247.



**TETAMU RADIO**

MINGGU ini awda akan dapat mengikuti perbualan Zainab Haji Mohd Taha bersama Awang Zulkifli Butir (atas) Juara Talentime '85. Rancangan ini ke udara pada hari Ahad 26 Januari jam 4.30 petang.

## *Sandiwara Radio:*

## *"PENGORBANAN"*

PENULIS Hashim Muhammad dari Kota Baharu, Kelantan mendapat giliran untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini dengan karyanya yang berjodol 'PENGORBANAN'.

Ceritanya bertemakan tentang kepincangan masyarakat yang ada di antaranya masih mengutamakan kepentingan sendiri. Surya dan Bahar adalah dua orang doktor muda yang sudahpun diikat dalam tali pertunangan. Walaupun begitu, Surya jarang mempunyai waktu untuk berhibur ataupun keluar bersama Bahar. Perkara ini sangat tidak menyenangkan Bahar.

Sebagai seorang doktor mata, Surya selalu memikirkan tentang pesakit-pesakitnya yang semakin hari semakin bertambah. Masalahnya selaku seorang doktor bertukar menjadi masalah peribadinya sendiri bila ia mengetahui pesakitnya yang bernama Laily itu sebenarnya adalah isteri Kudus, kekasih lamanya ketika masih di kampus dulu.

Dengan kesempatan yang ada padanya Surya membuat ancaman terhadap Kudus. Ia mahu Kudus kembali kepadanya dan ia agak keberatan untuk menyembuhkan mata Laily yang hanya dapat diselamatkan melalui pembedahan. Bagaimanapun, kesetiaan Kudus terhadap isterinya sedikitpun tidak tergugat.

Kerana masalah peribadi yang dialaminya itu, Surya tidak yakin ia boleh menjalankan pembedahan dengan baik. Bahar selalu saja memberikan perangsang kepadanya agar ia bertugas dengan hati yang jujur.

Dapatkah Surya memerangi perasaannya sebagai seorang doktor? Ikutilah siaran rancangan ini pada 26 Januari, 1986 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Saloma Hj Mahmud.

## Rencana Tempatan:

## "JABATAN UKUR"

JABATAN Ukur adalah di antara tiga Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan yang diamanahkan bagi melaksanakan tanggungjawab di bidang perancangan, pendaftaran, pengkajian dan pengawalan penggunaan tanah. Antara lain fungsi Jabatan Ukur ialah menguatkuasakan peraturan-peraturan yang perlu serta mengawal pelaksanaan kerja-kerja ukur tanah di samping mengekalkan taraf profesion di bidang tersebut pada keseluruhannya. Oleh itu matlamat utama Jabatan Ukur ialah melaksanakan pengawalan dan menetapkan darjah ukuran kerja yang terperinci bagi seluruh negara. Malam ini para penonton akan dapat menyaksikan sebuah lagi filem rencana tempatan iaitu Jabatan Ukur sebagai salah sebuah jabatan di Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 22 JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ELECTRIC COMPANY
5.00 WILDLIFE ON ONE: "New Father Thames"
5.25 INSPECTOR GADGET
5.50 SILVER SPOONS: Bila seorang temannya menyatakan sebab-sebabnya selalu mengalami kemalangan-kemalangan dan kecederaan, Ricky menghadapi dilemma moral — sama ada untuk menyimpan rahsia kawannya ataupun memberitahunya dengan harapan menghentikan lemparan kata-kata yang kurang menyenangkan.
6.00 BERITA AWAL
6.05 SILVER SPOON — sambungan
6.20 KUIZ KATA
6.29 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.45 KUIZ KATA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE A TEAM: "Skins"
7.42 AZAN ISYAK
7.45 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.10 RENCANA TEMPATAN: JABATAN UKUR
9.30 ROAD TO WEMBLEY 1985/86 SEASONS: "Liverpool lwn Norwich"
10.30 THREE'S COMPANY: "A Friend In Need" Jack mengganti tugas Felipe sebagai tukang masak di Angelino kerana isterinya baru bersalin. Sesudah seorang pelanggan penting mendapati masakan Jack sangat memuaskan, Felipe disingkirkan. Kerana tidak mahu mengambil alih tugas Felipe, kumpulan bertiga membuat helah untuk mengembalikan tugas kepadanya.
11.00 MUSICAL PACKAGE: "Chaka Khan"
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 23 JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 INVENTIVE BOY
5.45 WILDLIFE OF PAPUA NEW GUINEA: "Home of The Bird of Paradise"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILDLIFE OF PAPUA NEW GUINEA — sambungan
6.15 FRAGGLE ROCK
6.29 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.45 FRAGGLE ROCK — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 KNIGHT RIDER: "Knight of The Juggernaught" Bhg II
7.42 AZAN ISYAK
7.45 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 DEMPSEY AND MAKEPEACE: "The Squeeze"
10.30 ALLO ALLO
11.00 TAYANGAN GAMBAR: "Games" Sepasangan muda, jelak dengan hidup, menumpukan masa mereka dengan berbagai permainan hingga seorang perempuan misteri muncul dan menjadikan "Game" mereka kepada pembunuhan. Pelakon-pelakon: Simona Signoret, James Caan, Katherine Ross, Kent Smith, Don Stroud, dan lain-lain.
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 24 JANUARI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan

**PETANG**

1.00 STORY BREAK: "C.L.U.T.Z."
1.25 STAR GAMES
2.00 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE: "The Huntsman"
2.15 HE-MAN AND THE MASTERS OF TOMORROW'S WORLD
2.45 TOMORROW'S WORLD
3.10 MIANI MIATU
3.25 CHARLIE AND COMPANY
3.55 AZAN ASAR
3.59 PESTA SUKAN MERDEKA
5.00 EDISON TWINS
5.20 SUPERFRIENDS
5.50 HISTORY OF CLOTHING
6.00 BERITA AWAL
6.05 HISTORY OF CLOTHING — sambungan
6.15 KUIZ KATA
6.29 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.45 KUIZ KATA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 AIRWOLF: "Santini's Million"
7.42 AZAN ISYAK
7.45 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA: "Sampah-Sampah"
10.00 HARDCASTLE AND McCORMICK: "Surprise of Seagull Beach"
10.50 KNOTS LANDING: "Fly Away Home"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 25 JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE
5.50 IN THE WILD WITH HARRY BUTLER: "Barrow Island — Key To Survival"
6.00 BERITA AWAL
6.05 IN THE WILD WITH HARRY BUTLER — sambungan
6.15 GAMES OF THE NATIONS: "Thailand"
6.30 AZAN MAGHRIB
6.36 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.46 GAMES OF THE NATIONS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 T. J. HOOKER: "Hardcore Connection" Hooker dengan radangnya ingin membetulkan kesilapan ke atas seorang kawannya yang terbunuh di sebuah motel ketika menyiasat satu kumpulan porno. Pengkebumian pegawai itu telah tidak diberikan penghormatan sewajarnya atas sebab memiliki wang tunai $10,000.
7.42 AZAN ISYAK
7.45 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.10 TALENTIME '85 (ulangan)
10.10 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Janjiku Pada Dia"
11.40 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "April In Paris" Seorang pegawai State Department dan seorang penyanyi terlibat satu dengan lain dalam satu pelayaran kapal mewah dan kemudian di Paris menimbulkan komplikasi yang menyeronokkan. Lagu 'April In Paris' juga dinyanyikan. Pelakon-pelakon: Doris Day, Ray Bolger, Claude Dauphin, Eve Miller, George Givot, dll.
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 26 JANUARI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 ITALIAN SOCCER 1985/1986 SEASONS
12.35 AZAN ZUHUR
12.38 ITALIAN SOCCER — sambungan

**PETANG**

1.10 JAMES LAST SHOW EXPRESS
1.40 TAYANGAN GAMBAR: "Family Plot" Seorang lelaki dan kekasihnya mencari anak lelaki adik seorang tua kaya yang telah diasuhkan 40 tahun terdahulu. Wanita itu menawarkan hadiah $10,000 kepada siapa yang boleh mencarinya supaya dapat mewarisi harta yang ditinggalkan. Pelakon-pelakon: Karen Black, Bruce Deru, Barbara Harris, William Devane, Ed Lauper, dan lain-lain.
3.10 CHALENGE OF THE GOBOTS
3.40 SHE-RA, PRINCESS OF POWER
3.56 AZAN ASAR
4.00 SHE-RA, PRINCESS OF POWER — sambungan
4.15 DRAMA (SCB): "Sa'ahkah Aku"
4.45 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
5.40 RENCANA TEMPATAN: "JKR — Bahagian Perkhidmatan Bangunan" (ulangan)
6.00 BERITA AWAL
6.05 RENCANA TEMPATAN — sambungan
6.20 SMALL WONDER: "Brainwashed"
6.30 AZAN MAGHRIB
6.36 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.46 SMALL WONDER — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MacGRUDER AND LOUD
7.43 AZAN ISYAK
7.46 MacGRUDER AND LOUD — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 DARI DEWAN RAYA
9.25 DETECTIVE IN THE HOUSE: "Gelt By Association"
9.50 WHO'S THE BOSS?
10.15 SPACE
11.05 TALES OF THE UNEXPECTED: "Down Among The Sheltering Pa'ms"
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 27 JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
5.00 NATURAL WORLD: "Winter Days"
5.50 BENSON: "Dubois: Portrait of A Politician"
6.00 BERITA AWAL
6.05 BENSON — sambungan
6.15 KUIZ RIA
6.30 AZAN MAGHRIB
6.36 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.46 KUIZ RIA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MATT HOUSTON: "Breakpoint"
7.43 AZAN ISYAK
7.46 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MUSICAL
9.25 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY: SWEAT OF THE SUN, TEARS OF THE MOON
10.40 RETURN TO EDEN
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 28 JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 MUPPET BABIES
5.00 KATE AND ALLIE
5.30 SNORKELS
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.31 AZAN MAGHRIB
6.37 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.47 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE FALL GUY: "Her Bodyguard"
7.43 AZAN ISYAK
7.46 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 ARENA SUKAN
9.30 RUMPUN BUDAYA — Puak Dusun Daerah Belait (ulangan)
9.55 MIAMI VICE: "Evan"
10.35 WRESTLING
11.25 SIARAN TAMAT.



MALAM ini THREE'S COMPANY membawakan "A Friend In Need" — jangan lupa awda berkehendakkan hiburan bercorak komidi.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

SIARAN Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F. M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei–Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei–Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.35 | Menuju Keredaan Allah |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Berita Sukan |
| 7.30 | Catatan Radio Hari Ini dan Esok |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio (SU) (Kecuali Hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 5.45 | Senandung Senja. |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah |
| 6.45 | Aqidah dan Rohani. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | | |
|---|---|---|
| 6.45 | pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 | pagi | |
| 10.00 | pagi | |
| 12.45 | tengah hari | |
| 1.30 | tengah hari | (Hari Jumaat) |
| 3.00 | petang | |
| 5.30 | petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 | malam | |
| 10.00 | Ringkasan Berita. | |

**MENYIARKAN AZAN**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU
## 22 JANUARI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati/ Penyanyi Harapan.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.30 — Ruangan Katani.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Belia Jaya.

## HARI KHAMIS
## 23 JANUARI

PAGI: 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar. 10.15 — Brunei Tanahairku (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Dialog Semasa, 2.15 — Hiburan Selingan, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Pertanian, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT
## 24 JANUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Muzika Tanahair/Nada Pedoman, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.30 — Bacaan Al-Quran, 12.45 — Azan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.00 — Majalah Ugama (SU), 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 —Mekar Setaman, 3.15—Pertanian (SU), 3.45 — Kelab Pelajar Di Radio, 4.15 — Hiburan, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Suara Bintang-Bintang/Mutiara Asli, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Hiburan Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

## HARI SABTU
## 25 JANUARI

PAGI: 9.00 — Keluarga Si Awang (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati/ Penyanyi Harapan.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan, 4.15 —Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani, 8.15 — Suara Bintang-Bintang/Mutiara Asli, 8.45 Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD
## 26 JANUARI

PAGI: 9.00 — Selamat Pagi, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Taman Mekar, 11.30 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.15 — Brunei Tanahairku, 1.00 — Pertandingan Bintang Kecil.

PETANG: 2.00 — Dialog Semasa, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Juara Kugiran/Senandung Lagu-lagu Lama, 4.00 — Belia Jaya, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN
## 27 JANUARI

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Ke'ab Pelajar Di Radio (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA
## 28 JANUARI

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 Pilihan Pendengar, 10.15 — Mekar Setaman (SU), 11.00 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: Senandung Lagu-lagu Lama/Kugiran Tanahair.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 3.15 — Seni dan Sastera, 3.30 — Sukma Ria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Hiburan Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.45 — Hiburan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | BBC Symphony Orchestra Prog. 2 Pt I |
| 9.00 | Perspective — 51. |
| 9.30 | Talking About Music — 296/314. |

### THURSDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: The Kreutzer Sonata by Leo Tolstoy. |
| 9.30 | Brian Fahey and His Big Band with Danny Street — 3/5. |

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Religious Talk Angles In Islam Pt. I. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 737. |
| 11.30 | Children's Half Hour by Hassan Haji Sha'ari. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | 19th Cambridge Folk Festival: The Fureys and Davey Arthur. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: High Stakes by Dick Francis — 5/10. |
| 1.30 | Just for Variety by duty announcer. |
| 2.30 | Fifteen Minute Theatre: Finding Keeping by J Mansel Thomas. |
| 2.45 | Those Were The Days — 7/12 (repeat) |
| 3.15 | Calling On You by Ak Hishamuddin |
| 4.00 | Chinese Programmes. |
| 8.00 | A Religious Talk (repeat) |
| 8.15 | The World of Books. |
| 8.45 | Thirty-Minute Theatre: Walking the Dog by Roger Mcgough. |
| 9.30 | It's All Yours produced by Ak Hishamuddin. |

### SATURDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany. |
| 8.30 | Many A Slip—A panel game providing listeners with a balance mixture of fun and information — 127/153. |
| 9.30 | Top of The Pops — 1104. |

### SUNDAY

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Date with the Deep Damage produced by Ak Hishamuddin. |
| 11.45 | A Feature: The Diplomats 3/4. |

NOON:

| | |
|---|---|
| 12.00 | Melody Makers Featuring |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Brunei Darussalam This Week by Ideris Ali. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1104 |
| 1.30 | Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari. |
| 2.30 | Just for variety by duty announcer. |
| 3.30 | Its All Yours produced by Ak Hishamuddin. |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | Melody Makers Featuring Gypsy — 6/13 (repeat) |
| 8.45 | BBC Science Magazine |
| 9.30 | Those Were The Days by Foo Chuan Pyng — 8/12. |

### MONDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty Five: Inferoo Revisited by Peter Howell. |
| 8.45 | The Arts Worldwide with Charan Kumar — 18. |
| 9.30 | String Sound: Norrie Paramor and His Orchestra 44/68. |

### TUESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jaafar Yaakub. |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: R E M side 2/2. |

### DAILY

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle. |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana (relayed from the Malay Service) |
| 7.00 | Brunei's AM. Weather Forecast As we recall. |
| 7.30 | Local News. |
| 7.35 | Tide Times presented by P A Hishamuddin |
| 7.36 | Brunei's Am (continued) |
| 8.30 | Chinese Programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Lunch Break (continued) Weather Forecast — repeat As we recall |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays–Thursdays. |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays. |
| 9.15 | News. |

